

16/11/1999

Yayasan Budiman UiTM terima 30 komputer

YAYASAN Budiman Universiti Teknologi Mara (UiTM) iaitu sebuah yayasan yang mengurus dana untuk pembelajaran dan pendidikan pelajar universiti berkenaan menerima sumbangan pertama berupa 30 komputer, Sabtu lalu.

Daripada jumlah itu, 20 komputer disumbangkan oleh Pengarah Talam Corporation Berhad, Datuk Rashid Maidin manakala selebihnya Pengarah Urusan Kamaruddin Rahmat Motor Sdn Bhd, Kamaruddin Rahmat.

Kedua-dua mereka adalah bekas pelajar UiTM.

Semua komputer itu disampaikan oleh Pengerusi Yayasan Budiman, Tan Sri Saleh Sulong bagi pihak mereka berdua kepada Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Zaidee Laidin.

Saleh yang juga Pengerusi Kumpulan DRB Hicom berkata, komputer berkenaan akan diagihkan untuk kegunaan beberapa sekolah di Kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan.

Menurut beliau, sumbangan itu dibuat bagi menunaikan permintaan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Ibrahim Ali yang juga Penasihat Yayasan Budiman.

Katanya, Yayasan Budiman UiTM diisytiharkan penubuhannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Perhimpunan Perdana Siswazah UiTM pada 26 Ogos lalu sekali gus mengumumkan kenaikan taraf Institut Teknologi Mara (ITM) kepada UiTM.

Sebenarnya, beliau berkata, Yayasan Budiman bertujuan menggembelngkan tenaga bekas penuntut UiTM yang dianggarkan lebih 130,000 orang bagi mengumpul dana untuk tujuan membantu penuntut yang memerlukan bantuan kewangan.

"Pelbagai aktiviti dirancang untuk menjadikan Yayasan Budiman sebagai yayasan yang aktif dan berkesan ke arah mencapai objektifnya," katanya.

(END)